

CNS2940

U GB 28-01 0C180 BB559

BAH

Mahathir - Daim

I

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Lebih dua minggu sudah berlalu sejak pengumuman bahawa Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin, telah menghantar surat perletakan jawatannya, orang ramai masih tertanya-tanya sama ada Perdana Menteri akan membenarkan beliau berbuat demikian.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih lagi merahsiakan keputusannya apabila ditanya oleh pemberita-pemberita di pejabatnya di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Semasa ditanya sama ada beliau telah menerima perletakan jawatan Datuk Paduka Daim itu, Perdana Menteri berkata: +Saya akan memutuskannya dan saya akan mengumumkan apabila saya mahu memutuskannya dan mengumumkannya.+

Tambahnya, beliau akan menimbangkan surat perletakan jawatan oleh Datuk Paduka Daim itu apabila beliau merasa bahawa beliau harus menimbangkannya.

Pada persidangan akhbar di pejabatnya Rabu lepas, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau telahpun membuat keputusan mengenai perkara tersebut, dan menambah bahawa ia akan diumumkan hanya pada masa yang tepat.

Beberapa hari sebelum itu, Datuk Paduka Daim berkata di Sungai Petani bahawa beliau akan terus memegang jawatan berkenaan sehingga Perdana Menteri membuat keputusan. -- Bernama

♥28/01/19-57MST